



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

**SELASA
23 Disember 2025**



Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	23 Disember 2025
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	2

Dalam Negeri

Minda Pengarang

ISMAIL DAUD



Segera periksa, pastikan majikan anda mencarum

KIRA-kira 300,000 majikan berdaftar yang gagal membayar caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk pekerja boleh dianggap sebagai satu penganiayaan terutama jika bahagian pekerja dipotong tetapi tidak dicarumkan.

Kegagalan itu bermakna pekerja tidak dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan jika berlaku kemalangan atau penyakit berkaitan pekerjaan, menyebabkan pekerja tidak mendapat faedah seperti bayaran perubatan, pampasan atau pencen ilat.

Apabila tidak pula mencarum di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), pekerja akan hilang faedah seandainya majikan mereka gulung tikar.

Justeru, langkah Kementerian Sumber Manusia untuk meringankan beban majikan menjelaskan caruman Perkeso dengan memberikan diskaun sebanyak 80 peratus diberikan menerusi Faedah Caruman Lewat Bayar adalah satu langkah yang tepat. Majikan akan terhindar daripada tindakan undang-undang manakala pekerja akan dilindungi.

Peningkatan kos operasi tidak wajar dijadikan alasan kerana pekerja adalah aset syarikat, selain faedah yang diperoleh sangat besar. Malah, kos operasi syarikat akan meningkat dengan lebih tinggi jika pekerja mereka mendapat kemalangan menyebabkan mereka tidak dapat bekerja dan majikan terpaksa pula menanggung kos perubatan.

Majikan yang sengaja mengelak membayar caruman Perkeso dan masih berdegil selepas diberikan teguran dan amaran wajar dikenakan tindakan tegas kerana kegagalan mencarum adalah satu eksploitasi terhadap pekerja mereka.

Dengan pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Pekerjaan iaitu perlindungan 24 jam terhadap pekerja yang dijangka dilaksanakan tahun depan, majikan perlu melihat caruman Perkeso sebagai satu perlindungan terbaik untuk pekerja mereka, yang mungkin mereka sendiri tidak mampu sediakan.

Bagi mereka yang pernah mengalami kemalangan, ditimpa penyakit atau diberhentikan kerja, manfaat daripada caruman Perkeso memang benar-benar membantu meneruskan kehidupan. Sudah banyak laporan berita mengenai perkara ini disiarkan.

Saya sendiri sudah menikmati faedah Perkeso menerusi SIP ketika syarikat tempat saya bekerja selama lebih 20 tahun ditutup pada tahun 2019 lalu. Mungkin, saya dan rakan-rakan antara kumpulan terawal yang mendapat manfaat daripada SIP yang diperkenalkan pada 2018.

Terlalu banyak faedah yang disediakan seperti faedah hilang upaya kekal, faedah hilang upaya sementara, pencen ilat, kecederaan pekerjaan, faedah orang tanggungan dan pencen penakat. Faedah lain termasuk pusat rehabilitasi, pusat dialisis dan bantuan mencari pekerjaan. Paling penting, urusan dengan Perkeso sangat mudah dan pegawai organisasi itu sangat membantu. Ini juga pengalaman saya sendiri.

Jika anda seorang pekerja, lakukan semakan segera. Pastikan majikan mencarum tanpa tertangguh dan tertunggak bagi melayakkan kita mendapat manfaat jika berlaku sesuatu kemalangan atau ditimpa penyakit.

Jangan ambil mudah soal ini kerana malang tidak berbau. Walaupun kita sudah ada perlindungan insurans sendiri, manfaat yang disediakan oleh Perkeso adalah lebih menyeluruh. Ini hak kita di bawah undang-undang.

Mungkin, Perkeso boleh mempermudah usaha ini dengan menyediakan khidmat memeriksa status terkini caruman majikan secara dalam talian. Tidak pasti sama ada Hanna (chat-bot) dan aplikasi Prihatin boleh membantu dalam perkara ini.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan/Mingguan Malaysia